



RAIS dan kenamaan bergambar bersama 3,852 sukarelawan pembersihan yang menyertai World Clean Up Day Peringkat Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Dataran Klebang.

3,852 sukarelawan sertai World Clean Up Day 2024 di Pantai Klebang MBMB pecah rekod lagi!



Mohamad Fazrul Abdul Majid

KLEBANG - Melaka menerusi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) sekali lagi memecahkan Malaysia Book Of Record (MBOR) apabila berjaya mengumpulkan sukarelawan teramai sempena program World Clean Up Day 2024.

Ia selepas seramai 3,852 sukarelawan menyertai aktiviti pembersihan yang berlangsung di Pantai Klebang, di sini, sekali gus memecah rekod lama 2,072 peserta yang disandang Universiti

Teknologi Mara (UiTM).

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri Datuk Rais Yasin berkata, pencapaian itu merupakan sesuatu yang wajar dibanggakan sejajar dengan status Melaka sebagai negeri pelancongan.

Lebih bererti, kata beliau, program itu turut disertai lebih 1,500 pelajar dari 46 buah sekolah rendah dan menengah di bawah kawasan pentadbiran MBMB, sekali gus dapat mendidik dan me-

mupuk kesedaran pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar dalam menjadikan negeri ini kekal ceria, indah dan bersih.

"Insya-Allah, di peringkat kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini, kita akan terus memperkasa program pembersihan seperti World Clean Up Day ini dengan penglibatan segenap lapisan masyarakat.

"Usaha murni ini amat penting supaya kita dapat menyemai semangat cintakan negeri menerusi kempen-kempen kebersihan yang diadakan secara berterusan,"

katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mewakili Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh merasmikan Program Malaysia Book Of Records World Clean Up Day 2024 MBMB di Dataran Klebang, di sini, 28 September lalu.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Negeri Datuk Wira Salhah Salleh; Setiausaha MBMB Datuk Ahmad Azlan Ahmad Salleh; Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka Nor Zaki

Md Nor dan lain-lain kenamaan.

Dalam pada itu, Rais memaklumkan, Melaka menjadi antara negeri yang mendahului carta dalam aspek kebersihan dan keceriaan kawasan pelancongan apabila sering mendapat pujian pengunjung dan pelancong di platform media sosial.

Namun begitu, beliau meminta semua PBT dan syarikat konsesi pembersihan untuk tidak terus berada di zon selesa, sebaliknya perlu terus menggandakan usaha demi memastikan status itu terus dipertahankan.